

D KAMARUDIN
(kiri)
menyampaikan
cenderamata
kenangan kepada
Dr Daud sambil
diperhatikan oleh
KY Mustafa
selepas
perasmian
kelmarin.



Ahemad: Keperluan sumber laut penting

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Keseimbangan dalam pembangunan akuakultur, penangkapan hidupan marin dan sub sektor yang berkaitan dengan hasil marin dilihat wajar dikekalkan dari segi ekonomi, sosial dan pembangunan alam semula jadi.

Pengarah Jabatan Perikanan Sabah, Dr. Ahemad Sade berkata keperluan terhadap sumber laut adalah amat penting khususnya dalam memastikan kelangsungan bekalan kepada pengguna.

"Sumber makanan laut kita khasnya ikan kini mengalami tekanan yang amat besar berikutan daripada peningkatan populasi global sedunia.

"Sebanyak tujuh bilion dikenalpasti pada tahun 2011 telah meningkat kepada 7.4 bilion pada 2016 dan angka ini dijangka mampu terus meningkat menjadi kepada 8 bilion dan 9.2 bilion dalam tahun 2025 dan 2050," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi ucapnama beliau di Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur (ICOMSA) anjuran Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah di sini kelmarin.

Sesi persidangan selama tiga hari

bermula kelmarin sehingga 14 Mac ini.

Dalam pada itu, Ahemad turut memberitahu bahawa angka peningkatan penduduk sedunia turut membawa kepada pertambahan kepada keperluan hasil laut yang mana meningkat daripada 76.1 bilion pada 2015 kepada 80 bilion pada 2016.

"Keadaan semasa tentang status keselamatan dan ancaman kepada hidupan marin yang khususnya sumber laut kini perlu menjadi satu fenomena yang dipandang serius oleh semua pihak kerana ia akan menjadi bertambah buruk sekiranya keadaan semasa negara terjebak dalam masalah kekurangan sumber makanan atau kebolehan mengakses sumber ikan yang terhad.

"Sewajarnya semua pihak memainkan peranan khusus dalam memastikan keperluan asas ini mampu terus ada dan tidak menggugat keperluan seharian walaupun terdapat aktiviti perikanan bagi tujuan sumber makanan," katanya.

Majlis pembukaan persidangan itu telah disempurnakan oleh Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Dr. Daud Yusuf mewakili Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong.

"Biodiversiti lautan adalah hasil daripada evolusi organik yang berlaku sejak

berbilion tahun lalu dan kemerosotan mengejut pada biodiversity yang berlaku kini adalah dilihat sebagai satu masalah serius.

"Biodiversiti menyokong perkhidmatan yang disediakan oleh ekosistem laut dan akuakultur yang menyokong keselamatan makanan dan hal ini jelas menunjukkan bahawa permasalahan ini wajar dibincangkan secara lebih mendalam dalam bentuk akademik bagi tujuan mencari solusi terbaik bagi mengatasi masalah ini," kata Dr Daud.

Tambah Dr Daud lagi, negara-negara maritim yang membangun pesat dengan pembangunan sumber marin mampan adalah berlaku hasil sumbangan saintis.

"Para saintis memang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara jika mereka berjaya mengaitkan pemuliharaan marin dan akuakultur beserta pembangunan mampan dengan lonjakan idea melalui persidangan dan penerbitan," ujar beliau.

Turut hadir Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr D Kamarudin D Mudin, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah UMS KY Mustafa dan Pengerusi ICOMSA 2019 Prof. Madya Dr. Ejria Saleh.